

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HJ. JALALUDDIN B. HJ. ALIAS
(JELEBU)**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2019

SOALAN

DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat sebarang kemasukan dalam skala besar rakyat Hong Kong ke Malaysia selepas krisis yang berlaku di negara mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod oleh Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah ketibaan warganegara Hong Kong ke Malaysia pada tahun 2017 adalah seramai 345 orang, seramai 458 orang pada tahun 2018 dan seramai 242 orang pada tahun 2019 iaitu sehingga 31 Ogos 2019. Melalui trend statistik yang dicatatkan tersebut, jelaslah bahawa tiada peningkatan yang ketara bagi jumlah kemasukan warganegara Hong Kong ke Malaysia walaupun sekarang ini di Hong Kong,

Tuan Yang di-Pertua, berlaku ketidaktentuan dari segi keamanan yang berlaku di sana. Jadi, itulah, saya rasa soalan berbentuk spesifik, jawapan saya pun spesifik. Terima kasih.